

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL
AZIZ [BACHOK]**

SOALAN

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik petugas kesihatan yang mengikuti sesi 'Psychological First Aid' (PFA) sejak Jun yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. *Psychological First Aid* atau Bantuan Awal Psikologi adalah bantuan awal yang diberikan kepada individu yang mengalami stress akut yang boleh diakibatkan oleh krisis atau bencana. Mengikut data yang dikumpulkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari 25 Mac 2020 sehingga 20 Oktober 2020, sejumlah 56,528 petugas kesihatan telah diberikan '*Psychological First Aid*' (PFA).
2. Negeri Perak mencatatkan jumlah penerima sesi PFA tertinggi iaitu seramai 13,666 orang petugas kesihatan, diikuti dengan negeri Sabah iaitu seramai 12,225 orang, negeri Kelantan seramai 5,356 orang, negeri Sarawak seramai 4,673 orang dan negeri Johor seramai 4,545 orang petugas kesihatan.

Sekian, terima kasih.